



Anwar merasmikan Simposiun Laluan Ke Arah Kesejahteraan Lebih Baik Untuk Malaysia sambil diperhatikan Armizan dan Zarinah di Putrajaya, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

'Israel gila, hilang perikemanusiaan'

PM kesal tindakan berat sebelah negara Barat terhadap situasi di Gaza

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
Hazwanfaisal@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan Israel sebagai gila dan hilang berperikemanusiaan apabila mengembom sebuah hospital di Gaza sehingga mengorbankan 500 nyawa.

Perdana Menteri turut menyuarkan rasa kesalnya terhadap negara Barat yang berat sebelah dalam hal itu.

"Perkembangan terkini mengenai serangan Israel itu agak keterlaluan, saya juga turut mengulangi beberapa kenyataan yang sudah dibuat mendukung beberapa kenyataan sesetengah pimpinan negara luar yang menyatakan kesal dan mengancam pengeboman hospital Gaza.

"Apa pun yang dituduh siapa pun maknanya ini kesan dari serangan dan perang, sebab itu kita katakan sebaiknya hentikan.

"Ini masa untuk kita redakan keadaan dan hentikan, kalau teruskan ini, mangsanya wanita, anak, pesakit ini sudah sampai ke tahap gila dan hilang perikemanusiaan.

"Dan yang paling dikesalkan

ialah negara Barat yang bercakap soal hak kemanusiaan ini rupanya ada kategori, ada manusia kelas satu, ada manusia kelas hamba dan ini kita bantah sekeras-kerasnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan ucapan pembukaan dan merasmikan Simposiun Laluan Ke Arah Kesejahteraan Lebih Baik Untuk Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya, Tan Sri Zarinah Anwar.

Saluran televisyen *Al-Jazeera* melaporkan, Hospital Al-Ahli Arab di tengah Gaza yang sarat dengan pesakit dan pelarian Palestin dibom tentera Zionis, menyebabkan lebih 500 orang terbunuh.

Kementerian Kesihatan di Gaza turut mengesahkan sekurang-kurangnya 500 orang terbunuh dalam serangan udara ke atas Hospital Al-Ahli Arab.

Pihak berkuasa mengesahkan angka kematian itu adalah tertinggi membabitkan serangan tentera Israel dalam masa sehari sejak 2008.

Bincang dengan GCC, ASEAN

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau akan ke Riyadh, Arab Saudi hari ini bagi menghadiri persidangan tetap di antara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan ASE-

AN, dengan mengadakan perbincangan khusus mengenai tindakan yang perlu diambil terhadap kezaliman Israel ke atas rakyat Palestin.

Anwar turut memaklumkan akan berjumpa Perdana Menteri Arab Saudi, Putera Mahkota Mohammed Salman bin Abdul-Aziz Al Saud ketika menghadiri sidang kemuncak GCC bagi membincangkan konflik berkenaan.

"Saya juga akan fikirkan keperluan untuk berbincang dengan beberapa kepimpinan sama ada saya perlu jelajah ke beberapa negeri atau melalui telefon saja," katanya.

Ditanya mengenai status pasukan pengaman Malaysia di Lubnan, Anwar berkata, keputusan untuk mengekalkan pasukan pengaman itu adalah keputusan bersama dibuat dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kalau keadaan keselamatan itu dapat terjamin kita akan teruskan kalau tidak kita akan bawa pulang," katanya.

Dalam perkembangan sama, hampir semua pemimpin dunia mengutuk tindakan Israel mengembom hospital dan membunuh 500 orang.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut mengutuk serangan terbabit yang disifatkan insiden paling berdarah sejak konflik melanda.

PBB dilaporkan akan mengadakan mesyuarat tergempar bagi membincangkan serangan ke atas Hospital Al-Ahli Arab.